

PERLEMBAGAAN PERGERAKAN PENGAKAP KANAK-KANAK SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI KECHIL ULU

Fasal 1: Nama dan Alamat.

- i. Persatuan ini adalah dikenali dengan nama PERGERAKAN PENGAKAP KANAK-KANAK (PKK) SK SUNGAI KECHIL ULU
- ii. Alamat yang didaftarkan bagi persatuan ini adalah SK SUNGAI KECHIL ULU, 34950 BANDAR BAHARU, KEDAH.

Fasal 2: Tujuan Persatuan

- i. Untuk melatih dan menonjolkan bakat kepemimpinan.
- ii. Untuk membantu program peningkatan kurikulum, motivasi dan mengurangkan masalah disiplin murid.
- iii. Memberi peluang kepada murid mengambil bahagian secara aktif melalui aktiviti yang disediakan.

Fasal 3: Keahlian

- i. Ahli persatuan ini adalah terdiri daripada murid-murid tahap 2.
- ii. Pemilihan ahli dibuat berdasarkan minat dan bakat pelajar pada awal tahun.
- iii. Guru penasihat boleh mempengaruhi murid bagi tujuan menambah bilangan ahli persatuan.

Fasal 4: Tanggungjawab dan Hak Ahli.

- i. Setiap ahli bertanggungjawab untuk menghadiri mesyuarat dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti persatuan.
- ii. Setiap ahli juga berhak untuk bersuara, memilih dan dilantik memegang sebarang jawatan dalam persatuan.

Fasal 5: Mesyuarat.

- i. Satu mesyuarat agung perlu diadakan dalam perjumpaan pertama iaitu pada awal tahun untuk:
 - memilih ahli Jawatan Kuasa persatuan
 - kewangan
 - ucapan penangguhan
 - cadangan-cadangan
- ii. Ahli Jawatan Kuasa adalah terdiri daripada:
 - a. Pengerusi
 - b. Setiausaha
 - c. Bendahari
 - d. Enam orang AJK (mewakili murid tahun 4, 5 & 6)
- iii. Mesyuarat AJK perlu diadakan dua kali setahun iaitu pada awal tahun dan pada akhir tahun berkenaan.
- iv. Mesyuarat kali pertama akan memberi tumpuan untuk merancang aktiviti tahunan persatuan.
- v. Korum-korum bagi mesyuarat agung hendaklah sebanyak 2/3 daripada jumlah keseluruhan ahli.

- vi. Korum bagi mesyuarat AJK hendaklah sebanyak 2/3 daripada bilangan ahli-ahli jawatankuasa.

Fasal 6: Tugas Pegawai Atau AJK Persatuan.

- i. Pengerusi
Menjadi pengerusi mesyuarat, bertanggungjawab untuk memastikan segala mesyuarat dan aktiviti dijalankan mengikut perlembagaan.
- ii. Setiausaha
Menjalankan urusan persatuan mengikut perlembagaan, menyimpan minit dan surat, menulis laporan mingguan, menyimpan segala rekod dan menyediakan laporan tahunan persatuan.
- iii. Bendahari
Bertanggungjawab dalam hal kutipan kewangan persatuan, apabila ada kutipan berlaku beliau perlu menyerahkan wang dan senarai nama ahli terlibat kepada Guru Penasihat.

Fasal 7: Punca Kewangan / Pendapatan.

- i. Kewangan persatuan ini diperolehi melalui :
 - a. wang Bantuan Kokurikulum (BKK).
 - b. sumbangan PIBG.
 - c. derma daripada ahli dan orang ramai.
- ii. Semua kutipan dan perbelanjaan wang untuk sebarang aktiviti persatuan perlu mendapat kelulusan pihak pentadbir sekolah dan rekod perbelanjaan mesti disediakan.

Fasal 8: Pindaan Perlembagaan Persatuan.

- i. Perlembagaan persatuan ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan mesyuarat agung.
- ii. Perubahan atau pindaan itu hanya berkuatkuasa setelah mendapat persetujuan Guru Besar.

Fasal 9: Tafsiran.

- i. Sekiranya timbul sesuatu yang tidak jelas mengenai tafsiran dalam perlembagaan ini, perkara itu hendaklah dirujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa. Keputusan Jawatankuasa mengenai perkara itu adalah muktamad.

Fasal 10: Pembubaran.

- i. Persatuan ini tidak boleh dibubarkan kecuali dengan persetujuan Guru Besar atau Pentadbir Sekolah.

PENDAFTARAN

SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI KECHIL; ULU

PENDAFTARAN PERGERAKAN PENGAKAP KANAK-KANAK TAHUN 2024

1. NAMA KUMPULAN : PERGERAKAN PENGAKAP KANAK-KANAK SK SUNGAI KECHIL ULU

2. GURU PENYELARAS : EN. MUHAMMAD FARID BIN AB RAHIM

3. AHLI JAWATAN KUASA:

PN ROZANA BT ISMAIL

EN. MUHAMMAD SYAHRIL BIN MAT ROSLI

EN MOHAMAD NAHAR BIN ABD WAHAB

EN MOHD AZNIZAM BIN DRAMAN @ ABDULLAH

PN BALKIS BT MD NOOR

PN NOR ATIKAH BINTI KASA

4. BILANGAN AHLI:

LELAKI : 31 ORANG

PEREMPUAN : 12 ORANG

JUMLAH KESELURUHAN : 43 ORANG

Tandatangan

(AZNIR BIN AHMAD)

LULUS / TIDAK DILULUSKAN

Tandatangan

(MUHAMMAD FARID BIN AB RAHIM)